

13/01/2001

Tiga terowong utama Bakun siap

MIRI, Jumaat - Kerja pembinaan tiga terowong utama projek empangan elektrik hidro Bakun di wilayah tengah Sarawak, kini sudah siap dan dijangka dapat diserahkan kepada kerajaan selewat-lewatnya, penghujung April ini.

Ketika ini, pemaju projek berkenaan, Dong Ah Construction dalam proses menyiapkan kerja akhir pembinaan struktur luaran ketiga-tiga terowong berkenaan.

Pengurus projek syarikat itu, Jung Hyun Ik ketika dihubungi petang ini berkata, pihaknya dapat menyiapkan keseluruhan projek itu tiga bulan lebih awal daripada yang ditetapkan.

"Sekarang ini, kami baru saja selesai menyiapkan bahagian dalaman ketiga-tiga terowong itu. Selepas itu, kami akan tumpukan kepada proses pembersihan tapak serta pembinaan struktur luaran terowong.

"Sekiranya semua berjalan lancar, kita jangka dapat menyiapkan keseluruhan projek ini pada Mac ini," katanya ketika diminta mengulas mengenai perkembangan terbaru projek bernilai berbilion ringgit ini.

Dong berkata, pihaknya dijangka menyerahkan projek itu kepada pemilik projek, Bakun Hydro Sdn Bhd dan Kerajaan Pusat pada satu majlis ringkas 28 April ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad; Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud serta Kabinet Persekutuan dan negeri dijangka hadir menyaksikan majlis itu.

Kerja pembinaan tiga terowong sepanjang 1.4 kilometer ini dimulakan pada 1996 tetapi tergendala setahun kemudian apabila negara dilanda kegawatan ekonomi.

(END)